KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27.04.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pekebun mahu haiwan itu dialihkan ke kawasan jauh dari tanaman mereka

'Tolong kami, gajah rosakkan kebun'

Oleh MASTURAH SURADI

MERSING – Pekebun-pekebun di Kampung Air Papan di sini merayu pihak berwajib agar menangkap dan memindahkan gajah liar yang memusnahkan tanaman sawit mereka sejak lebih setahun lalu.

Mohd. Mesan, 72, berkata, dia yang bergantung pendapatan sepenuhnya dengan hasil sawit tidak berani untuk membuat tanaman semula ekoran bimbang haiwan itu datang kembali.

Ujarnya, kehadiran gajah liar itu dalam jumlah yang banyak iaitu kira-kira 10 ekor juga menyebabkan dia dan juga pekebun lain takut untuk ke kebun dan kini menanggung kerugian ketika harga sawit sedang melonjak tinggi.

"Saya sudah usahakan kebun ini sejak lapan tahun lalu dan isu gajah ini berlaku lebih setahun. Baru sahaja minggu lepas gajah ada masuk ke kebun. Kebun saya sudah empat kali diserang gajah.

"Kita ada buat aduan kepada Pejabat Perhilitan dan mereka ada datang pantau. Kita minta sangat agar bantulah kami. Kami tidak berani untuk tanam semula kerana bimbang rosak lagi.

"Jika boleh pindahkan gajah ini. Kalau kita tanam semula tapi gajah ini masih ada lagi tiada guna juga," katanya ketika ditemui di sini kelmarin.



MUHAMMAD SYUKRI (kiri) bersama penduduk meninjau kebun sawit di Kampung Air Papan yang musnah di Mersing semalam.

Kata Mohd., kebun seluas enam ekar itu kini hanya mampu mengeluarkan hasil sekitar dua tan sedangkan sebelum ini kebunnya mampu mengeluarkan hasil sehingga empat ke lima tan.

Bagi Rohana Zakariah, 43, pula berkata, akibat serangan gajah liar itu bukan sahaja pokok sawitnya musnah bahkan jalan di kebunnya juga turut hancur.

"Tanah di kebun adalah tanah gambut jadi bila tanah basah, gajah masuk dalam kebun dengan berat badannya menyebabkan ia terbenam dan mengheret perut untuk bergerak menyebabkan jalan di kebun hancur.

"Tahun lepas sahaja sudah tiga kali kebun diserang dan anggaran kerugian lebih RM10,000," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Ikatan Anak Mersing (IAM), Muhammad Syukri Ibrahim berkata, pihaknya akan membantu pekebun di kawasan berkenaan sehingga mereka boleh menanam sawit kembali.

"Susah bila nak tanam sawit gajah datang kacau," ujarnya.